



Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (99)
Tarikh : 19 Syawal 1442H
31 Mei 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Pengurus Agensi Negeri (Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan)

ARAHAN PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 8 TAHUN 2021

**PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI NEGERI KELANTAN DALAM TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 FASA 1: 1 JUN HINGGA 14 JUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri Malaysia pada 28 Mei 2021 dan pengumuman oleh YB Menteri Kanan Pertahanan telah memaklumkan berkaitan **pelaksanaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun 'total lockdown'** Fasa Pertama di seluruh Negara. Pelaksanaan ini akan **berkuat kuasa selama 14 hari mulai 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021** berdasarkan kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di Malaysia yang semakin membimbangkan.

3. Selaras dengan arahan tersebut, Perkhidmatan Awam Negeri akan melaksanakan kaedah **Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya** tidak termasuk perkhidmatan frontliners, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan. Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan harus memastikan perkara berikut:-

- (a) Semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan **secara dalam talian** melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
- (b) Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan; dan
- (c) **Perkhidmatan kaunter ditutup** dan segala urusan adalah melalui perkhidmatan atas talian.

4. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada **Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 5 Tahun 2020** dan **Pekeliling Perkhidmatan (Negeri) Bilangan 3 Tahun 2021 Dasar Bekerja Dari Rumah**, yang jelas memperincikan aspek-aspek yang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR, akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kn.P.U.18.- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2009.

5. Namun begitu, kehadiran ke pejabat hanya boleh dibenarkan bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dengan tidak melebihi 20% dengan tujuan serta tatacara berikut:-

- a) Pembayaran kontrak/invois/gaji;
- b) Pembayaran/pengagihan bantuan bulanan/berkala kepada rakyat;
- c) Penyelenggaraan/ keselamatan premis;
- d) Pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem dan mesyuarat atas talian;
- e) Penyediaan kertas/dokumen melibatkan Majlis Mesyuarat Kerajaan;
- f) Penggiliran kakitangan bagi tempoh maksimum 4 jam; dan
- g) Kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja.

6. Pemantauan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya berlaku sebarang ketidak patuhan kepada arahan yang dikeluarkan. Sebarang pengecualian arahan ini perlu mendapat **kelulusan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**.

7. Perkhidmatan Kerajaan Negeri akan terus komited dan menjadi tunjang utama dalam memastikan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri kekal beroperasi dengan efektif berdasarkan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.


8. Arahan ini dipersetujui berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021.

Sekian, terima kasih.

* RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT *

* PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19 *

Dengan hormatnya,


DATO' KAYA SETIA

DATO' NAZRAN BIN MUHAMMAD, P.J.N,S.P.S.K.(Kelantan)

Setiausaha Kerajaan Kelantan